

BAB SATU

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada masa pemerintahan Orde Baru, akhbar di Indonesia dikenali dengan sebutan “akhbar yang bebas dan bertanggungjawab.”¹ Istilah “akhbar yang bebas dan bertanggungjawab” ini membawa makna akhbar yang boleh menyebarkan berita sesuka hati, asal tidak merusakkan akhlak dan tidak bertentangan dengan undang-undang yang telah sedia ada di Indonesia. Pemerintah sendiri menjelaskan bahawa akhbar boleh menyebarluaskan sesuatu maklumat yang sifatnya mengkritik secara konstruktif.² Hal inilah yang dikatakan akhbar berperanan sebagai rakan kongsi dalam pembangunan nasional.³

Pengkaji, pengamal dan pengguna juga mempunyai pengertian yang sama dengan pemerintah tentang makna kebebasan akhbar yang sesuai dipraktikkan di Indonesia. Akhbar dibolehkan menyebar berita termasuk kritikan, hiburan dan lain-lain yang sesuai dengan budaya bangsa Indonesia. Penyajian berita di akhbar harus dapat dipertanggungjawabkan kepada semua orang termasuk pemerintah. Akhbar sentiasa menjaga kepentingan rakyat dan negara, bukan kepentingan individu tertentu dalam parti yang memerintah.

¹ Undang-Undang No. 11, Tahun 1966, Artikel 5(2) yang kemudian dikenali sebagai Undang-Undang No. 4 Tahun 1967 Tentang Penambahan Undang-Undang No. 11 Tahun 1966. (*Lihat Lampiran I*).

² Artikel 3, *Ibid*.

³ A. Mehra, *Press Systems in ASEAN States*, AMIC, Singapore, 1989, hal. 35.

Akhbar bertugas mengamati realiti sosio-ekonomi dan menyampaikan gambaran realiti itu secara tepat dan betul kepada masyarakat. Tugas akhbar bukan hanya mencatat, merakam dan menyelidik, tetapi berperanan sebagai membawa perubahan (agent of reform). Akhbar harus menjadi “watchdog” iaitu berperanan mengawasi penyimpangan dalam pentadbiran negara dan pengurusan perniagaan.⁴

Akhbar sudah sejak lama digunakan sebagai saluran komunikasi dalam berbagai bidang, termasuk saluran komunikasi politik. Ianya tidak sahaja digunakan oleh mereka yang mempunyai cita-cita politik tertentu, tetapi akhbar juga mempunyai kesanggupan untuk memilih mana yang penting dan mana yang tidak penting untuk diberitakan.

Mana-mana akhbar di dunia pada umumnya tunduk kepada sistem akhbar yang diamalkan dan keadaan sosial masyarakat setempat⁵ sementara sistem akhbar pula tunduk kepada sistem politik yang ada. Dalam hal ini, apa yang berlaku di Indonesia pada zaman Orde Baru adalah penggunaan akhbar oleh kelompok politik tertentu atau kelompok elit penguasa untuk mencapai tujuan mereka. Salah satu contoh dapat dilihat pada masa pilihan raya umum 1987 di Indonesia. Liputan berita di akhbar lebih banyak disediakan untuk parti pemerintah yang sedang berkuasa, iaitu parti Golkar (Golongan Karya)

⁴ Jalaluddin Rakhmat, *Mencari Sosok Akhbar Reformis*, Akhbar Media Indonesia, 9 Februari, 1999.

⁵ Ahmad Zaini Abar, *Memahami Eksistensi dan Dinamika Akhbar Nasional*, Majalah GAMMA, No. 49-1, 8 Februari 2000.

dibandingkan dengan dua parti lainnya, iaitu PPP (Parti Persatuan Pembangunan) dan PDI (Parti Demokrasi Indonesia).⁶

Dalam keadaan bagaimanapun akhbar harus menjalankan tugas dan fungsinya, iaitu menyajikan maklumat tentang realiti yang ada, memilih dan mentafsirkan fakta secara benar, meneruskan nilai-nilai sosial budaya kepada generasi penerus dan juga tidak ketinggalan memberikan hiburan kepada orang ramai. Oleh kerana itu, pengelola akhbar berkewajipan mengumpulkan maklumat tentang kenyataan sebagai bahan untuk dijadikan berita, mengolah dan menyunting bahan berita tersebut dan selanjutnya menyajikannya sebagai berita untuk menuntun fikiran dan pemahaman orang ramai di samping melaksanakan kawalan sosial.

1.2 Permasalahan Kajian

Akhbar merupakan alat yang sangat penting untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Akhbar mesti bebas dan tidak mengutamakan kepentingan yang lain selain, kepentingan umum. Walaupun begitu, model akhbar sesebuah negara berbeza dengan model akhbar negara lain, hal ini bergantung pada sistem media yang diamalkan oleh negara tertentu. Indonesia, khususnya pada zaman Orde Baru, mengamalkan sistem media yang dikawal oleh pemerintah yang tentunya cenderung menjaga kepentingan pemerintah daripada kepentingan awam.

⁶ *Ibid.*

Akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru terlalu banyak mendapat campur tangan pihak penguasa. Pada masa itu, pemerintahan di bawah kepimpinan Suharto dikuasai oleh pihak tentera atau dipengaruhi oleh gaya ketenteraan, sehingga sistem pemerintahan yang dijalankan tidak jauh berbeza dengan sistem yang ada dalam tentera. Kerana itu, tidak hairan apabila dilihat dan diamati bahawa Suharto sangat ketat mengawal segala bentuk kegiatan yang dianggap penting termasuk yang berkenaan dengan kebebasan akhbar.

Sehubungan itu, makna akhbar yang bebas dan bertanggungjawab pada zaman Orde Baru telah diselewengkan. Para penguasa telah menggunakan kekuasaannya dalam bertindak, meskipun tidak diucapkan secara terang-terangan bahawa akhbar harus bertanggungjawab kepada penguasa, dalam hal ini terhadap Suharto dan keluarganya atau lebih dikenal dengan sebutan pihak istana.

Pemberitaan di akhbar tentang segala bidang harus mengikuti arahan daripada penguasa. Dengan kata lain, dapat diringkaskan bahawa akhbar sentiasa dihadapkan pada tuntutan dan kawalan penguasa. Tuntutan daripada elit penguasa adalah akhbar “yang bebas dan bertanggungjawab kepada penguasa”, akhbar yang dapat diajak untuk menjadi “rakan kemajuan”, sekaligus akhbar yang mampu menjadi sumber penguatkuasaan bagi penguasa.⁷

Kawalan daripada penguasa terhadap akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru dapat dikategorikan seperti di bawah:

⁷ Sandra Kartika & M. Mahendra, *Dari Keseragaman Menuju Keberagaman, Wacana Multikultural dalam Media*, Lembaga Studi Pers dan Pembangunan, Jakarta, 1999, hal. 55.

1. Kawalan untuk memasuki bidang industri bagi individu-individu yang terlibat dalam perniagaan, antara lain melalui penciptaan penghalang politik bagi yang ingin turut mengambil bahagian (political barrier to entry). Di samping hambatan-hambatan ekonomi daripada pasaran serta ketentuan kewangan, penguasa Orde Baru juga membuat ketentuan politik bagi mereka yang ingin menjadi pemain pasaran dalam industri media, antara lain dengan pemberian SIUPP (Surat Izin Usaha Penerbitan Pers) melalui pemilihan berdasarkan kriteria politik tertentu.
2. Kawalan terhadap individu dan kelompok profesional (wartawan), melalui pemilihan dan ketentuan seperti keharusan menjadi anggota PWI,⁸ dan jelas juga kawalan berupa penunjukan individu tertentu untuk menempati jawatan tertentu dalam media milik pemerintah.
3. Kawalan terhadap isi serta berbagai maklumat lainnya melalui berbagai cara.
4. Kawalan terhadap sumber, antara lain berupa monopoli kertas oleh pihak yang hampir dengan penguasa, seperti Bob Hasan yang memiliki syarikat kertas Aspex Papers.
5. Kawalan terhadap kemunculan di akhbar, berupa pelarangan tampil tokoh-tokoh tertentu yang dianggap tidak berpihak kepada pemerintah agar tidak dimuat dalam sebarang berita di akhbar.⁹

Cara liputan seperti ini dapat memberikan gambaran bahawa wujud hubungan antara akhbar dengan elit penguasa walaupun hubungan itu dipaksakan oleh penguasa terhadap akhbar. Dengan kata lain, hubungan antara penguasa

⁸ PWI adalah kependekan daripada Persatuan Wartawan Indonesia. Ini adalah satu-satunya organisasi kewartawanan yang ada di Indonesia pada masa Orde Baru, dan Pemerintah tidak membolehkan penubuhan sebarang organisasi kewartawanan yang lain selain daripada PWI.

⁹ *Op.cit*, hal. 44-45.

dengan akhbar tidak boleh tidak harus ada walaupun dengan apa cara sekalipun. Berkenaan dengan masalah perkembangan akhbar di Indonesia, mengutamakan kepentingan peribadi, keluarga, dan kelompok tertentu adalah kenyataan pada masa Orde Baru.

Selain dorongan kewangan, pembabitan ahli perniagaan yang rapat dengan Suharto dalam industri media juga berkaitan dengan ehwal politik. Pembabitan anak-anak Suharto dalam industri media juga merupakan salah satu cara menguasai akhbar sehingga dapat mempengaruhi atau membentuk pendapat awam melalui saluran media. Berkenaan masalah ini, seorang penulis Barat menyebutkan: “.....one way in which Suharto appeared to be trying to curb the press by early 1990 was by having members of his own family into the media”.¹⁰

Realiti hubungan antara penguasa dan rakyat serta hubungan antara akhbar dan pemerintah merupakan suatu keadaan saling memerlukan. Oleh kerana itu, setiap rejim yang berkuasa menyedari perlunya sistem yang memungkinkan keupayaan penguasa mempengaruhi segala unsur yang ada dalam masyarakat demi mendapat sokongan daripada rakyat terhadap sistem yang dijalankannya.

Demikian juga dengan rejim Orde Baru di Indonesia, berbagai keterbatasan yang dimiliki oleh akhbar, baik keterbatasan ruang maupun masa menyebabkan ramai yang tidak mempunyai kesempatan menyebarluaskan maklumat kepada orang lain secara berterus terang untuk membangkitkan sesuatu

¹⁰ Michael Vatikionis, *Indonesian Politics under Suharto: Order and Pressure for Change*, Routledge, London, 1987, hal. 108.

isu. Ini kerana keinginan mereka sentiasa bertentangan dengan keinginan penguasa.

Penindasan terhadap akhbar selama pemerintahan Suharto juga diutarakan oleh Atmokusumah Astraatmadja, Direktur Lembaga Pendidikan Pers Dr. Sutomo. Menurutnya, banyak permasalahan selama tiga puluh tahun (zaman Orde Baru) tidak diketahui dengan jelas oleh rakyat kerana kebebasan akhbar menyajikan berita dalam tempoh tersebut sangat terbatas. Pemimpin politik kerajaan atau mereka yang memegang jawatan penting dalam pemerintah dengan mudah menyembunyikan fakta yang sepatutnya didedahkan dan disampaikan kepada khalayak ramai. Banyak peristiwa yang disembunyikan seperti Operasi Militer di Aceh, peristiwa Tanjung Priok, mahupun peristiwa berkenaan ramai rakyat yang hilang, meninggal atau ditahan baik di Aceh, Lampung, Irian Jaya, dan Timor Timur.¹¹

Pemerintahan Orde Baru dalam mengatur berbagai bentuk aktiviti rakyat mahupun penguasa selalu menggunakan motto “pembangunan”. Ini bermakna setiap aktiviti rakyat Indonesia harus mengarah kepada program pembangunan yang sedang dijalankan oleh pemerintah. Demikian juga halnya dengan pemberitaan di akhbar harus selalu menyokong rancangan pembangunan di atas tadi. Konsep pembangunan di sini diertikan oleh penguasa rejim Orde Baru sebagai segala langkah dan peraturan yang mereka buat harus dijalankan sepenuhnya tanpa ada sebarang kritikan sekalipun kritikan yang konstruktif. Kalau ada kritikan yang dimuat dalam akhbar, seperti kritikan yang dilakukan

¹¹ Majalah *Detik*, 5 Ogos 1999.

oleh mahasiswa melalui demonstrasi-demonstrasi, kritikan daripada tokoh-tokoh tertentu maupun tulisan-tulisan yang dapat memenuhi keinginan orang ramai, tidak jarang disebut sebagai “kelompok tidak bertanggungjawab”.¹²

Akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru sentiasa dihadapkan dengan dilema antara memenuhi keinginan orang ramai atau pasaran dengan mematuhi kehendak penguasa. Pada satu sisi wartawan berkeinginan menyebar berita apa adanya walaupun ada unsur kritikan terhadap pemerintah. Tetapi di sisi lain, setiap berita ditapis dahulu oleh pemerintah sebelum disebarluaskan kepada khalayak ramai. Pemerintah beranggapan bahawa penapisan merupakan cara yang paling efektif untuk menyekat idea-idea yang dapat memburukkan pemerintah. Dengan kata lain, penapisan merupakan penekanan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap akhbar.

Mekanisme penapisan juga digunakan untuk mengawal akhbar di negara-negara di bawah rejim tentera, seperti di Filipina dan Thailand sewaktu undang-undang tentera dikuatkuasakan. Pada tahun 1972, Ferdinand Marcos sebagai Presiden Filipina masa itu mengisytiharkan Undang-Undang Darurat untuk memudahkannya berkuasa secara leluasa sebelum beliau digulingkan oleh rakyat pada tahun 1986. Kesan daripada dikuatkuasakan undang-undang tersebut telah membuka jalan kepada tentera untuk menutup kebanyakan stesen radio, televisyen dan pejabat akhbar serta menahan beberapa penerbit terkemuka, para wartawan dan termasuk juga mereka yang mengkritik Marcos. Marcos juga pandai bersandiwara dengan memberikan alasan seolah-olah dengan adanya undang-

¹² Sandra Kartika & M. Mahendra, *Op.cit*, hal. 47-49.

undang itu, penapisan secara rasmi dari pemerintah telah pun berakhir. Tetapi pada lain pihak, beliau menempatkan ahli keluarga dan kroninya untuk mengawal perjalanan media, baik secara langsung maupun tidak langsung dengan cara melibatkan diri di dalamnya. Sekurang-kurangnya pemerintahan pimpinan Marcos dapat meminta syarat dengan cara memaksa pengelola media membuat penapisan sendiri (self-censorship) apabila mereka menginginkan perpanjangan surat izin penerbitan akhbar.¹³

Demikian juga halnya di Thailand, kebebasan akhbar hanya dianggap sebagai retorik sahaja. Anggapan ini mempunyai alasan kukuh kerana realitinya mengenai kebebasan mengeluarkan pendapat dan hal-hal mendasar mengenai hak-hak asasi manusia sentiasa ditindas¹⁴ dan sangat bergantung kepada pengusa semasa. Akhbar di Thailand sentiasa berusaha gigih untuk membaiki kualiti dan telah berperanan dengan baik dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan pembangunan nasional Thailand. Walaubagaimanapun, kebebasan akhbar telah menurun dan sentiasa mendapat penindasan, terutama di bawah pemerintahan tentera yang berakhir pada tahun 1963.¹⁵

Oleh kerana itu, akhbar merupakan lembaga yang sangat kuat dan berpengaruh, dan sehingga kini orang ramai sangat bergantung kepada akhbar untuk mengetahui dan mengenal pasti realiti sebenar yang berlaku, dan dalam memperjuangkan keadilan. Fungsi akhbar ini tidak dapat dilaksanakan

¹³ David G. Timberman, *A Changeless Land*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1991, hal. 76-77.

¹⁴ Sangchan Dangtoei, *Freedom of the Press in Thailand*, University Microfilms International, Michigan, 1976, hal. 83.

¹⁵ *Ibid*, hal. 83-84.

sepenuhnya di Indonesia, terutama pada masa Orde Baru, kerana ianya sentiasa berhadapan dengan kekuatan-kekuatan yang bersumberkan kekuasaan, dan di sisi lain ia juga berhadapan dengan kekuatan-kekuatan yang ada di dalam masyarakat sendiri. Akhbar di Indonesia begitu mudah ditekan oleh penguasa, kerana setiap akhbar harus mempunyai keizinan terbit daripada pemerintah melalui mekanisme yang telah diatur.

Akhbar yang tidak bebas atau selalu mendapat tekanan daripada pihak penguasa juga tidak dapat mendedahkan berleluasanya rasuah di sesebuah negara. Menurut Peter Eigen, Ketua Organisasi Transparency International (TI), ada beberapa buah negara yang paling berleluasanya rasuah di dunia ini, iaitu: Indonesia, India, Rusia, Venezuela, Kamerun, China, Bangladesh, Kenya dan Pakistan.¹⁶ Beliau juga menambahkan salah satu penyebab berleluasanya rasuah di negara-negara berkenaan adalah akibat tidak adanya kebebasan akhbar, sehingga fungsi akhbar sebagai alat kawalan sosial tidak dapat berjalan lancar.

Sebagaimana berlaku pada zaman Orde Baru, disebabkan oleh latar belakang Suharto dibesarkan dan dididik dalam pendidikan tentera, sehingga semasa pemerintahannya, imej Indonesia baik dalam negara maupun luar negara dikenali sebagai pemerintahan tentera. Kenyataan ini berdasarkan fungsi tentera di Indonesia selain menjaga keamanan juga memainkan peranan penting dalam pemerintahan. Peranan ganda tentera pada masa Orde Baru dikenali sebagai “Dwi Fungsi ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia)”. Penglibatan tentera

¹⁶ Akhbar *Kompas*, 25 Ogos 1997.

dalam struktur pemerintahan boleh dikatakan telah menyekat perkembangan dan kemajuan di Indonesia dalam beberapa bidang, termasuk kebebasan akhbar.

Sebagaimana disebutkan di atas bahawa kebebasan akhbar di Indonesia dikenali sebagai “akhbar yang bebas dan bertanggungjawab”.¹⁷ Pada praktiknya akhbar di Indonesia selalu mendapat arahan dan tekanan daripada pihak tentera, sehingga akhbar tidak bebas bergerak. Sebagaimana dikatakan oleh salah satu organisasi hak asasi manusia di Amerika Syarikat, *Asia Watch*, bahawa “akhbar yang bebas dan bertanggungjawab” di Indonesia adalah akhbar yang sangat rapat dengan pemerintah sehingga ianya bukan lagi merupakan sebuah lembaga yang bebas. Dan akhirnya, berita-berita yang bersifat kritikan langsung terhadap pemerintah dalam akhbar sentiasa ditapis.¹⁸

Oleh kerana itu, pengkaji ingin mengemukakan permasalahan yang menyangkut kebebasan akhbar di Indonesia sejak 1966 sehingga Mei 1998, iaitu selama 32 tahun Suharto menjadi Presiden Indonesia. Pengkaji ingin menghuraikan apa yang dikatakan dengan konsep kebebasan akhbar dan praktiknya di Indonesia semasa Suharto berkuasa (Orde Baru) dan selepas pengunduran beliau. Hal ini dapat dilihat dengan mengetengahkan soalan mengenai pemahaman tentang kebebasan akhbar di kalangan masyarakat Indonesia, bagaimana pemerintah mengawal kebebasan akhbar dan sejauhmana campur tangan pemimpin/penguasa terhadap akhbar.

¹⁷ Sandra Kartika & M. Mahendra, *Op.cit*, hal. 55.

¹⁸ Michael Vatikonis, *Indonesian Politics under Suharto: The Rise and the Fall of New Order*, Routledge, London and New York, 1998, hal. 107.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, yang menjadi ciri-ciri kebebasan akhbar yang dimaksud oleh pengkaji adalah kebebasan untuk melakukan sebarang kritikan yang konstruktif terhadap pemimpin-pemimpin dan dasar-dasar dalam pemerintahan. Di samping itu, akhbar tidak mendapat sebarang tekanan daripada pemerintah, seperti penapisan dan pengantungan pelesenan. Selanjutnya, fungsi akhbar bukan sebagai alat pemerintah tetapi berfungsi sebagai pengawas segala aktiviti pemerintah.

Dalam konteks kebebasan seperti disebutkan di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk meneliti sistem kebebasan akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru dan pada Era Reformasi. Kebebasan yang dimaksudkan di sini adalah bebas dalam menyebar berita yang bersifat kritikan terhadap terhadap penguasa dan dasar pemerintah.

Untuk mengetahui kebebasan akhbar di sebuah negara, tidak terlepas daripada campur tangan pemerintah baik secara langsung maupun tidak langsung. Kerana itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana campur tangan pihak penguasa (pemerintah) dalam hal kebebasan liputan berita akhbar di Indonesia baik pada zaman Orde Baru maupun pada Era Reformasi. Campur tangan di sini termasuk pelesenan dan tekanan-tekanan dari pemerintah terhadap akhbar.

Setelah mengetahui bagaimana bentuk kebebasan dan campur tangan pemerintah, maka akan dibuat suatu perbandingan mengenai liputan berita akhbar pada kedua zaman sebagaimana disebutkan di atas, iaitu Orde Baru dan Era Reformasi. Perbandingan yang dimaksud di sini adalah mengenai kebebasan dan campur tangan pemerintah pada kedua zaman tersebut baik dari segi undang-undang maupun praktiknya.

1.4 Metod Kajian

Metod kajian ini ialah berbentuk kualitatif, iaitu dengan membuat kajian perpustakaan (library research) dan kajian lapangan (field research). Kajian lapangan dibuat dengan melakukan temubual terhadap para wartawan, ahli akademik, mahasiswa, ahli politik dan ahli pertubuhan Islam. Pengkaji akan menghuraikannya secara terperinci dalam Bab IV.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya dikhurasukan kepada media cetak, iaitu akhbar dan majalah sahaja, kerana yang dikatakan pers atau akhbar di Indonesia ialah kedua jenis media cetak tersebut. Fokus utama kajian ini adalah perbandingan kebebasan akhbar pada masa Orde Baru (1966-1998) dan Era Reformasi. Pengkaji perlu menjelaskan bahawa sebutan Era Reformasi di Indonesia bermula pada saat kejatuhan Suharto, iaitu pada 21 Mei 1998. Mulai masa ini hingga sekarang

disebut Era Reformasi kerana sedang terjadi perubahan dalam amalan demokrasi, termasuk pergantian Presiden. Pengkaji membatasi bahawa Era Reformasi di sini adalah pada masa Habibie berkuasa sahaja (Mei 1998-Okttober 1999).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam usaha untuk mengetahui perbandingan konsep dan amalan kebebasan akhbar di Indonesia di bawah kepimpinan Suharto dan Habibie. Kajian ini juga diharapkan berguna bagi sarjana, pengkaji/penyelidik, pelajar dan pengamal media tentang hal ehwal kebebasan akhbar yang telah dipraktikkan di Indonesia selama Orde Baru dan pada Era Reformasi. Teori akhbar apa yang dipraktikkan di Indonesia, apakah mengamalkan atau mempunyai persamaan dengan konsep Barat, konsep bekas negara Uni Soviet, konsep Negara Membangun atau mempunyai sistem tersendiri yang berbeza dengan negara-negara lain. Di samping itu, kajian ini pula diharapkan berguna kepada seluruh rakyat Indonesia dalam usaha menegakkan kebebasan bersuara malalui akhbar.

1.7 Ulasan Pembacaan

Kajian khusus yang bertajuk *Kebebasan Akhbar di Indonesia: Perbandingan Antara Liputan Berita Akhbar Sebelum dan Selepas Mei 1998* memang tidak ditemukan sepanjang kajian ini dilakukan. Tetapi, penulisan-

penulisan yang ada kaitan dengan kebebasan akhbar pada zaman Orde Baru dan Era Reformasi telah pun ditulis oleh beberapa orang sarjana baik dalam bentuk buku maupun artikel. Kerana itu, pengkaji akan menjadikan bahan rujukan terhadap kajian yang telah dibuat dalam usaha membuat perbandingan liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru (kepimpinan Suharto) dan Era Reformasi (kepimpinan Habibie). Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan bagaimana konsep dan amalan sebenar kebebasan akhbar yang berlaku di Indonesia. Adapun kajian-kajian terdahulu yang telah ditulis antara lain seperti di bawah ini:

Jakob Oetama (1987) dalam bukunya bertajuk "*Perspektif Pers Indonesia*" menngituraikan keberadaan akhbar di Indonesia sebagai institusi sosial yang sentiasa mempunyai hubungan dengan pemerintah. Kebebasan akhbar di Indonesia mempunyai batasan-batasan yang diatur dalam undang-undang. Kritik terbuka sebagaimana dipraktikkan di negara-negara Barat tidak sesuai dengan kedaan masyarakat tertutup seperti di Indonesia. Kebebasan akhbar harus dapat dipertanggungjawabkan demi kepentingan masyarakat dan negara.

Tribuana Said (1988) dalam bukunya bertajuk "*Sejarah Pers Nasional dan Pembangunan Pers Pancasila*", menghuraikan bahawa akhbar kebangsaan lahir dan tumbuh sebagai alat perjuangan dalam mencapai kemerdekaan. Pada zaman Orde Baru, konsep kebebasan akhbar berasaskan kepada Pancasila. Konsep tersebut bersaskan kepada penegakan kebenaran serta kepentingan rakyat dan keselamatan negara. Konsep kebebasan akhbar pada zaman Orde Baru dikenali sebagai "akhbar yang bebas dan bertanggungjawab".

Dedy N. Hidayat (1999) dalam bukunya bertajuk “*Politik Media, Politik Bahasa dalam Proses Legitimasi dan Delegitimasi Rejim Orde Baru*”, mendapati bahawa liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru banyak dipengaruhi oleh penguasa yang sentiasa tidak memberikan kebebasan yang diinginkan oleh pembaca. Akhbar Orde Baru adalah institusi kapitalis (capitalist venture) terdesak oleh tuntutan pasar pembaca (audience market) dan pasar pengiklan (advertiser market). Pasaran pembaca menghendaki akhbar melahirkan maklumat dan hiburan sesuai dengan permintaan pembaca. Biasanya keinginan ini mencakupi pemberitaan yang kritikal, berani, objektif dan terkini. Di sisi lain, akhbar di Indonesia sentiasa dihadapkan pada keinginan penguasa atau juga sering disebut dengan “pihak istana”. Pihak istana di sini difahami oleh masyarakat sebagai Suharto dan ahli keluarga serta kroni-kroninya. Keinginan para elit penguasa adalah akhbar yang bebas dan bertanggungjawab, iaitu bertanggungjawab kepada penguasa yang dapat dijadikan sumber rujukan bagi orang ramai.

Jalaluddin Rakhmat (1999) dalam artikelnya yang bertajuk “*Mencari Sosok Pers Reformis*” telah menghuraikan dan mendapati banyak perubahan yang berlaku pada masa pemerintahan Habibie. Salah satunya adalah masalah liputan berita akhbar yang bebas. Akhbar di Indonesia pada Era Reformasi diberatkan sebagai “menikmati bulan madu kebebasannya”. Akhbar di Indonesia sudah mulai berfungsi sebagai “watchdog”, iaitu telah berani bersuara ketika berlaku penyimpangan dalam negara, baik yang dilakukan oleh rakyat biasa maupun oleh pemimpin negara.

Dedi N. Hidayat, Effendi Ghazali, Harsono Suwardi dan Ishadi S. K. (2000) dalam bukunya bertajuk "*Pers dalam Revolusi Mei: Runtuhnya Sebuah Hegemoni*" menghuraikan tentang kekusaan rejim Orde Baru yang telah pun menghalangi kebebasan akhbar, seperti penangkapan para wartawan dan penggantungan pelesenan terhadap beberapa akhbar yang secara berani membuat kritikan terhadap pemimpin pemerintahan. Dalam buku ini juga dihuraikan peranan akhbar pada detik-detik menegangkan menjelang jatuhnya Suharto. Selepas kejatuhan Suharto, liputan akhbar seolah-olah tidak ada batasan lagi.

Krisna Harahap (2000) dalam bukunya bertajuk "*Kebebasan Pers di Indonesia dari Masa ke Masa*", telah pun membuat kajian tentang proses pertukaran sistem akhbar Orde Baru kepada sistem akhbar yang bebas. Kajian ini membahas berbagai aspek permasalahan kebebasan akhbar bersaskan kepada ilmu perundang-undangan. Kebebasan akhbar di Indonesia memang ada batasannya, tetapi batasan ini telah dijadikan sebagai tekanan terhadap akhbar oleh pemerintahan rejim Orde Baru. Akhbar sepenuhnya bertanggungjawab kepada pemerintah, sehingga ianya terpaksa tunduk kepada keinginan pemerintah.